

20/10/1999

PBB: Antara persepsi dengan realiti

Syed Hamid Albar

PERHIMPUNAN Agung Bangsa-Bangsa Bersatu telah dimulakan pada 20 September dengan Kofi Annan memberikan laporan tahunan terhadap pelaksanaan tugasnya sebagai Setiausaha Agung. Beliau juga telah menggariskan peranan dan hala tuju yang perlu diambil oleh PBB menghadapi alaf baru. Daripada ucapan yang jelas ialah minat beliau untuk menjadikan PBB lebih aktif, tegas dan berkesan dalam menjamin keamanan sejagat. Annan juga telah menganjurkan supaya PBB boleh mencampuri hal dalaman sesebuah negara jika ada pencabulan hak asasi ketara yang dikatakannya sebagai humanitarian intervention.

Ucapan beliau walaupun secara keseluruhan adalah sederhana, boleh menimbulkan banyak persoalan dan memberikan kesan mendalam dalam soal kedaulatan sesebuah negara. Justeru, ia menjadi tanda tanya banyak Perwakilan. Malah Presiden UNGA dari Namibia, telah mengkritik ucapan Annan dan menyatakan jika ia dijadikan pendekatan PBB, ia sesuatu yang tidak sihat dan berbahaya.

Selepas ucapan Setiausaha Agung PBB, mengikut tradisi ucapan seterusnya adalah dari Menteri Luar Brazil. Presiden Clinton hanya membuat ucapan pada Selasa, 21 September dan tidak pada Isnin seperti biasa kerana dikatakan menghormati hari Yom Kippur, perayaan untuk orang Yahudi. Begitulah pentingnya pengaruh Yahudi dalam konteks politik Amerika Syarikat.

Tidak syak lagi Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu adalah satu-satunya pertemuan antarabangsa yang dihadiri oleh Ketua Negara, Ketua Kerajaan, Menteri-Menteri Luar, diplomat dan pegawai serta wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan. Mereka berada sama ada di dalam dewan atau berlegar di luar dewan untuk menyampaikan pandangan atau pendapat atau cuba mencari pengaruh bagi perkara domestik negara masing-masing atau rantau dan antarabangsa. Perkara ini berlaku dari tahun ke tahun.

Suatu perkara menarik adalah kawalan keselamatan yang rapi sehinggakan terasa seolah-olah tempat mesyuarat ini berada dalam zon perang. Kawalan dan keselamatan pemimpin-pemimpin negara bergantung kepada ukuran tahap ancaman individu atau negara.

Bila hendak menghadiri jamuan tengah hari yang diberikan Presiden Yasser Arafat, saya terpaksa melalui pelbagai pemeriksaan keselamatan, sebelum saya dan delegasi dibenarkan masuk ke dewan jamuan di salah satu hotel termasyhur di New York. Setelah berada beberapa hari, kita pun tidak lagi berasa rimas. Jadi pelik pula bila tidak diperiksa. Namun begitu saya difahamkan inilah tradisi PBB. Badan yang bertanggungjawab menjadi forum untuk mencapai keamanan dan kestabilan dunia, tidak terlepas daripada kemungkinan ancaman dan keselamatan boleh berlaku ke atasnya bila-bila masa sahaja.

Sewaktu jamuan makan tengah hari itu, saya duduk di sebelah Menteri Luar Palestinan National Authority (PNA), Farouk Kaddoumi. Saya juga bertemu beberapa Menteri Luar dan Wakil Tetap ke PBB negara lain yang turut dijemput ke jamuan itu. Seperti biasa peluang perjumpaan begini digunakan untuk berbincang mengenai isu-isu antarabangsa dan semasa. Tidak terlepas, isu perdamaian di Asia Barat yang membabitkan Israel, Palestin dan negara Arab lain turut menjadi bahan perbincangan utama kami. Pandangan tegas mengenai tanggungjawab Israel mematuhi sepenuhnya perjanjian damai yang telah dipersetujuinya semasa proses perdamaian Asia Barat turut diutarakan.

Seperti pentas sandiwara terbesar, hari demi hari kita akan mendengar ucapan daripada pemimpin dalam pelbagai bahasa, selalunya bahasa yang digunakan ialah bahasa Inggeris, Perancis, Arab dan Sepanyol. Inilah tanda keantarabangsaannya PBB. Jurubahasa yang menterjemahkan secara spontan juga adalah yang cukup fasih dan cekap dalam enam bahasa rasmi PBB, iaitu Arab, China, Inggeris, Perancis, Rusia dan Sepanyol. Masing-masing pemimpin menggariskan cita-cita, harapan dan matlamat negaranya untuk didengar dan diambil perhatian atau tindakan oleh dunia yang diharap bersikap adil dan saksama terhadap negara kecil dan besar.

Ada masanya juga dewan akan penuh sesak dengan perwakilan, pemerhati dan ahli media. Ada juga ketikanya dewan hanya diisi segelintir perwakilan. Perkara ini bergantung kepada pemimpin yang akan menyampaikan ucapan. Keluar masuk dewan adalah perkara lazim dalam perhimpunan ini.

Pada ketika ini juga akan dapat kita merasakan adanya jurang di antara persepsi dan realiti. Apabila kita dapat menerima jurang ini, barulah kita tidak akan kecewa. Jurang yang penuh dengan ketidakpastian. Justeru kerana ini apa yang diperkatakan tidak semestinya perkara sebenar yang diamalkan. Kebanyakan negara dan perwakilannya memahami perkara tersebut tetapi tidak mahu atau tidak berani berkata-kata mengenainya. Ada yang terus berharap, namun menerima hakikat harapan tidak semestinya dapat diterjemahkan kepada kebenaran. Persoalan yang ditimbulkan apakah pilihan lain yang ada pada negara kecil dan tidak berkuasa melainkan untuk menerima hakikat. Inilah sahaja badan dunia yang dilahirkan setelah tamat perang dunia kedua. Ia masih dihambat oleh realiti pada ketika itu dan tidak dapat dikemaskini kepada realiti masa kini.

Mereka yang mempunyai kuasa terbanyak adalah dari lima negara kuasa besar yang masih tidak mahu menukar kedudukan mereka dalam Majlis Keselamatan walaupun ia tidak demokratik. Mereka selesa dengan veto dan tidak ingin berkongsi kuasa ini dengan pihak lain. Walaupun PBB melaungkan demokrasi dan hak asasi, amalan ini diketepikan dalam pengurusan PBB. Memandangkan negara terbanyak masih lagi negara kecil atau negara yang lemah ekonomi dan politiknya di PBB, maka desakan dan permintaan negara terbanyak tidak dihiraukan. Demokrasi dan hak asasi sering terlaksana dalam bentuk selective. 'Kesaksamaan kedaulatan negara' hanya satu idaman yang terkandung dalam piagam BB. Ia tertera jelas, tetapi tidak terlaksana.

Di sinilah juga kita didedahkan kepada dunia 'diplomasi' dalam perhubungan dua hala dan 'pelbagai hala' yang tidak seimbang dan pincang. Segala-galanya lebih bermakna dalam pertuturan dan berbeza amalannya. Jika dihayati ucapan-ucapan yang disampaikan oleh pemimpin negara kebanyakan darinya lebih banyak berupa kata-kata yang tidak akan melahirkan kesepakatan. Ini bertujuan mengelakkan tekanan dari negara atau kumpulan yang lebih berkuasa dan kuat. Sandiwara dunia terserlah dalam mencapai tujuan dan matlamat masing-masing.

Di rostrum PBB ini juga akan kedengaran suara memuji dari jurucakap negara dengan menyusun bahasa diplomasi. Mengikut amalan lazim, kebanyakan negara terpaksa mengiakan apa yang dianjurkan oleh negara kuat, bagi memulihara kepentingan negara masing-masing. Bila disoal mengapa demikian, jawapannya cepat diberi, iaitu inilah caranya, kerana tidak berupaya berkata benar, bagi mengelakkan negaranya dijadikan mangsa. Sebenarnya di dewan yang dianggap sebagai 'pasar cakap' terbesar di dunia kita mendengar ucapan dan hujah sebagai halwa telinga.

Ketua Negara atau Menteri Luar ada ketika menyampaikan mesej rakyat, diiringi rintihan rakyat negara tertentu. Masih banyak lagi cerita tentang ketidakadilan dan kepincangan. Perbezaan antara negara maju dan membangun, antara negara kaya dan miskin tetap meluas dan sibuk dibicarakan. Namun demikian tiada apa-apa rumusan dicapai.

Bila tiba giliran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat ucapannya, dewan dipenuhi oleh delegasi yang tetap ingin mendengar suaranya yang lantang dan tegas. Beliau terkenal berani menegaskan kepincangan order baru dunia. Dr Mahathir juga tegas mengkritik yang kaya dan berkuasa kerana mengambil langkah menukar nasib negara miskin. Mahu mencapai keadilan sejagat hanya kata-kata kosong. Mahu dunia berubah supaya keadilan dan kesaksamaan tercapai tetapi tindakan memilih bulu terus diamalkan. Beliau juga menceritakan mengenai manipulasi perdagangan matawang yang telah memiskinkan beberapa negara.

Selesai sahaja Dr Mahathir berucap, kedengaran tepukan gemuruh delegasi yang agak luar biasa, diikuti dengan semua delegasi berbaris untuk bersalaman sambil memuji kerana menceritakan hal dunia sebenar yang mereka tidak berupaya atau tidak berani melafazkannya. Sanjungan ini diucapkan dengan penuh kejujuran dan keikhlasan. Menurut mereka, suara Dr Mahathir adalah suara mereka juga, walaupun tidak berupaya menyatakannya secara terbuka.

Begitulah cerita dunia yang tidak berkesudahan. Lantaran itu perlulah ada mereka yang rela memperjuangkan kebenaran, walaupun ia pahit untuk diterima atau sakit untuk didengar.

Laungan demokrasi, hak asasi, kemiskinan, bagaimana mengatasi kebuluran, peranan Bangsa-Bangsa Bersatu di masa ini dan di masa depan disebut secara jelas bagi menangani cabaran di alaf baru. Ia disuarakan mengikut tujuan dan matlamat negara masing-masing. Kelihatan wajah kepuasan setelah selesai membuat ucapan bila mendapat sambutan daripada delegasi. Di ketika itu dirasakan seolah-olah ada keadilan dan kesaksamaan kerana forum dunia memberikan ruang untuk berucap.

Apakah keadilan sejagat, hak asasi, keamanan dan kesaksamaan tercapai melalui luahan kata? Terciptakah kesaksamaan kedaulatan di antara negara besar dan kecil? Apakah kebenaran sebenarnya menjadi penentu kepada hala tuju dunia ataupun kekuatan?

Sememangnya sedap didengar mengenai dunia yang tidak berasaskan perbezaan agama, bangsa, warna kulit dan budaya. Sudah tentu tiada siapa yang dapat mempertikainya. Apakah ia berlaku bergantung kepada persepsi masing-masing? Yang ketara ialah kuat terus berasa angkuh dengan kekuatan mereka. Yang berkulit putih terus bermegah kerana warna kulit dan menganggap agamanya lebih ke hadapan dari dunia tamadun sebenar. Malah, ia berjaya digambarkan melalui kata-kata manis dan indah, tetapi amalannya berlainan sekali. Masih prejudis, bias menebal dan chauvinisme berasaskan agama, kaum, warna kulit dan budaya. Ada kecenderungan untuk memaksa keseragaman ke atas semua mengikut acuan dunia barat dan negara maju.

Banyak terminologi dan kata-kata hikmat yang telah dihamburkan dalam perbahasan. Namun, kepincangan yang wujud dalam order baru dunia terus berlaku. Di atas nama hak asasi, kapitalisme, perdagangan bebas, demokrasi dan globalisasi kelihatan ada usaha untuk menghapuskan kedaulatan negara bangsa. Ada juga kecenderungan untuk mencampuri hal dalaman sesebuah negara, kononnya di atas nama hak asasi. Ada pihak yang mengatakan, oleh kerana globalisasi serta dunia kini tanpa sempadan, maka kedudukan negara bangsa yang berdaulat dan bebas bukanlah sesuatu yang mutlak tetapi bergantung kepada peri laku negara tersebut dalam perhubungan antarabangsa dan bagaimana ia mengamalkan demokrasi dan kebebasan untuk melahirkan masyarakat madani.

Saranan sebegini rupa seolah-olah mencerminkan kemunculan kerajaan dunia di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Jika perkara ini menjadi kebenaran, maka PBB akan mempunyai asas kukuh untuk mencampuri hal dalaman negara-negara ahli. Sebagai satu konsep mungkin dianggap memberikan kuasa kepada PBB adalah sesuatu yang murni. Walau bagaimanapun, ianya lebih banyak menimbulkan persoalan yang tidak terjawab, dari dapat

melahirkan keamanan dan kestabilan dunia. Tetapi kita sering menyaksikan PBB bertindak kerana didorong oleh kuasa yang lebih berkuasa dari PBB. Kita masih melihat tindakan dan amalan tidak seimbang dalam menangani masalah dan isu konflik di sesebuah negara, rantau atau antarabangsa. Banyak keputusan dan rumusan ditentukan mengikut kepentingan ekonomi dan strategi negara maju atau kuasa besar.

Buat masa ini, selagi PBB tidak disusun semula mengikut keperluan masa kini, PBB tidak dapat memainkan peranan sebenarnya untuk melindungi keamanan dan kesejahteraan negara besar dan kecil.

* Datuk Seri Syed Hamid Albar ialah Menteri Luar Malaysia.

(END)